



**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
YB DATUK SERI DR RONALD KIANDEE  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**SEMPENA**

**MAJLIS PECAH TANAH PASAR NELAYAN PNK PAITAN  
DAN SEMBANG SANTAI NELAYAN PAITAN**

**PADA  
30 OKTOBER 2022 (AHAD)  
10.00 PAGI**

**DEWAN KG. KUBAMBANGAN, PEKAN PAITAN**

---

## **SALUTASI (RUJUK FINAL DI LAPANGAN)**

Terima kasih kepada saudara pengacara majlis

**YANG BERUSAHA ENCIK YUSOFF BIN OTHMAN**

Ketua Pengarah  
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)

**YANG BERUSAHA ENCIK MOHD JAMIL BIN ABDULLAH**

Pengarah LKIM Sabah

**YANG BERUSAHA ENCIK BARJAHUN HIYAH**

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Paitan

Yang Berusaha Pegawai-pegawai Kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi MAFI

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

1. Pertamanya saya rakamkan ucapan terima kasih dapat kita sama-sama berkumpul pada pagi yang berbahagia ini
2. Kalau tuan-tuan dan puan-puan masih ingat pada minggu lepas, saya hadir di sini merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Paitan manakala hari ini pula sempena Majlis Pecah Tanah Pasar Nelayan PNK Paitan dan Sembang Santai Nelayan Paitan, kali ini anjuran Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).
3. Terlebih dahulu, saya rakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung atas kerjasama dalam menjayakan majlis ini khususnya kepada pihak Pengurusan LKIM dan LKIM Negeri Sabah.
4. Ramai yang hadir pagi ini, terutama ahli-ahli nelayan **PNK Paitan yang kini mempunyai keahlian seramai 586 orang**.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

5. Pembinaan Pasar Nelayan ini antara kemudahan kepada golongan nelayan yang terangkum di dalam Program Pasar Nelayan iaitu salah satu inisiatif MAFI melalui LKIM. Ini merupakan usaha berterusan bagi meningkatkan pendapatan keluarga nelayan dengan memberi peluang kepada untuk **memasarkan hasil tangkapan mereka secara terus kepada pengguna**.
6. Menerusi Program Pasar Nelayan ini, para nelayan dapat **memendekkan rantaian pemasaran dan melepaskan nelayan dari cengkaman orang**

**tengah** sekali gus memperolehi pulangan harga yang lebih baik manakala pengguna setempat mendapat bekalan ikan segar pada harga yang lebih berpututan.

7. Selain itu, penglibatan nelayan sebagai peserta di Pasar Nelayan ini dapat membantu meningkatkan pendapatan nelayan kepada **melebihi dua ribu sebulan**. Apa yang pasti, susun atur Pasar Nelayan adalah lebih teratur dan berpusat di bawah satu bumbung dengan kemudahan infrastruktur, peralatan yang lebih baik serta selesa yang disediakan oleh LKIM.
8. Untuk rekod, sehingga September 2022, **sebanyak 135 Pasar Nelayan telah dibina dengan penglibatan seramai 640 orang peserta**. Pada tahun ini sahaja, **daripada Januari hingga September, nilai urusniaga Pasar Nelayan ini telah mencecah 44.1 juta ringgit dengan jualan melebihi 3 ribu tan metrik**.
9. Pada hari ini, tercipta satu sejarah dengan pembinaan Pasar Nelayan Paitan yang **merupakan Pasar Nelayan ke-12 diwujudkan di Negeri Sabah** dan merupakan Pasar Nelayan ke-136 bagi seluruh Malaysia.
10. Saya difahamkan, setakat ini sebanyak 10 orang peserta yang terdiri daripada nelayan Paitan terlibat dalam Pasar Nelayan ini **yang dibina dengan kos peruntukan sebanyak 200 ratus ribu ringgit**.
11. Sehubungan itu, MAFI akan terus melihat keperluan pembangunan infrastruktur seperti pasar nelayan ini bagi golongan nelayan yang sudah tentu akan **memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan ekonomi negara**.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

12. Kerajaan melalui MAFI dan LKIM juga sedar peranan penting yang dimainkan oleh nelayan dalam memastikan kelangsungan dan kelancaran rantaian bekalan makanan negara. **Oleh yang demikian, sebanyak 200 ribu telah diperuntukkan dengan peruntukan 10 ribu setiap penerima bagi Bantuan Touch Point Enjin Sangkut untuk manfaat para nelayan Paitan yang akan disampaikan kepada 20 orang penerima pada hari ini.**
13. Diharap dengan bantuan enjin sangkut ini, para nelayan akan terus memberikan **sokongan padu dan kerjasama sepenuhnya dalam mengukuhkan sekuriti makanan negara**.
14. MAFI menerusi LKIM sentiasa berusaha dan **komited untuk terus memastikan peningkatan pengeluaran dan bekalan makanan khususnya hasil perikanan sentiasa mencukupi sepanjang masa sekali gus menjaga kepentingan dan kebijakan golongan nelayan yang merupakan antara golongan sasar yang sangat penting dalam memastikan kelangsungan bekalan makanan negara.**

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

15. Sejajar dengan hasrat Kementerian dalam memastikan sumber ikan dalam pasaran sentiasa mencukupi, **pelbagai program dan inisiatif di bawah LKIM turut dilaksanakan antaranya Pemasaran Ikan Persatuan Nelayan.**
16. Inisiatif bertujuan antara lain untuk memberi sokongan dan galakan kepada perniagaan pemasaran ikan Persatuan Nelayan, **menjalinkan rantaian pasaran antara Persatuan Nelayan serta menggalakkan aktiviti pemasaran ikan melalui Persatuan Nelayan** menjadi penyumbang utama kepada Persatuan Nelayan dan ahli-ahlinya.
17. Saya berharap para nelayan dapat memberikan kerjasama menjual hasil tangkapan melalui PNK seterusnya sebahagiannya dijadikan stok bekalan pada masa akan datang.
18. Bagi peringkat LKIM dan PNK juga harus terus memainkan peranan penting dengan **memastikan penggunaan bilik-bilik sejuk untuk penyimpanan stok ikan digunakan secara optimum.**
19. Selain itu, terdapat juga usaha kerajaan untuk menstabilkan harga dan bekalan ikan serta mengurangkan kos sara hidup rakyat melalui program yang dikenali sebagai **Program Ikan Segar Beku Qfish.**
20. Produk Qfish ini **dijual dengan harga siling tidak melebihi 10 ringgit sekilogram** melibatkan lapan (8) spesis pilihan rakyat iaitu Kembung, Pelaling, Selayang, Cencaru, Aya (Kurik), Keli dan Tilapia Merah.
21. Baru-baru ini Kerajaan juga bersetuju pelaksanaan **Program Stokpail Ikan Segar Beku QFish** dalam usaha menangani sebarang kekurangan bekalan ikan terutama ketika musim tengkujuh serta isu kenaikan harga ikan di pasaran tempatan disebabkan permintaan yang tinggi.
22. Dalam hal ini, **sejumlah RM7 juta diperuntukkan oleh LKIM untuk dijadikan modal pusingan pembelian ikan tempatan sebanyak 1,000 tan metrik sebagai stokpail** yang akan ditempatkan di 130 bilik sejuk LKIM. Stokpail Ini juga akan ditambah dari masa ke semasa mengikut musim serta mengambil kira faktor penawaran dan permintaan semasa ikan di pasaran.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

23. Sekali lagi saya rakamkan penghargaan dan terima kasih khususnya kepada pihak LKIM dan urusetia majlis serta tuan-tuan dan puan-puan yang menjayakan majlis pada pagi ini.
24. Sesungguhnya, MAFI melalui LKIM sentiasa memainkan peranan yang penting dan berkesan dalam **menjaga kebajikan serta terus memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi nelayan dan sektor perikanan negara.**
25. Saya yakin dan percaya **kebajikan golongan nelayan akan terus dipelihara** demi memastikan kelangsungan sekuriti bekalan makanan negara.

26. Dengan kata-lata itu, saya dengan sukacitanya merasmikan **MAJLIS PECAH TANAH PASAR NELAYAN PNK PAITAN DAN SEMBANG SANTAI NELAYAN PAITAN.**

Sekian, terima kasih.